MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# SYARAT PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

## A. SYARAT PEMOHON:

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon bukan warganegara hendaklah berkhidmat di mana-mana pusat pengajaran ugama swasta di Negara ini.
3. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas;
4. Pemohon mempunyai kesihatan yang baik;
5. Pemohon hendaklah tidak pernah dikenakan/disabitkan sebarang kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah / Mahkamah Sivil.
6. Permohonan memperbaharui Tauliah hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh tamat Tauliah.
7. Bagi pemohon wanita yang sedang hamil, hendaklah kandungan di bawah 5 bulan ke bawah semasa menghadapkan permohonan.

## B. KATEGORI PERMOHONAN TAULIAH DAN SYARAT KELAYAKAN

**Kategori 1 : Tauliah Mengajar Al-Quran:**

- Mempunyai kelulusan akademik Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB); Sijil Perakuan pengajian al-Quran atau talaqqi al-Quran; atau yang sebanding dengannya.

**Kategori 2 : Tauliah Mengajar Ugama:**

- Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Diploma Perguruan Ugama yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**Kategori 3 : Tauliah Berceramah Ugama:**

- Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**Setiap pemohon hendaklah memenuhi Syarat-Syarat Utama:**

1. Berkebolehan membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid.
2. Mempunyai kefahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan hukum-hukum tajwid yang sangat baik.
3. Mempunyai ilmu pengetahuan ugama asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.

**JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**No. Telefon: 2381087 / 8374775 atau Emel: tauliah.muib@gmail.com**